

06/05/1997

Projek ratakan bukit dikaji semula

KUALA LUMPUR, Isnin - Semua pelan pembinaan yang sudah diluluskan tetapi membabitkan banyak kerja meratakan bukit dan penebangan pokok, akan dikaji semula bagi memastikan ia tidak menjejaskan alam sekitar.

Kabinet, dalam mesyuaratnya minggu lalu, turut mengarahkan pihak berkuasa tempatan supaya tidak meluluskan mana-mana pelan susun atur projek perumahan atau bandar baru yang membabitkan penebangan pokok dan perataan bukit-bukau.

Kegagalan berbuat demikian membolehkan pegawai terbabit dikenakan tindakan tatatertib seperti diturunkan pangkat, dilewatkan kenaikan pangkat atau ditukar ke jawatan lain.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, keputusan itu dicapai selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan kebimbangannya mengenai kegiatan penebangan pokok dan perataan bukit-bukau yang semakin berleluasa dalam projek pembangunan perumahan dan bandar baru.

Kajian semula itu, katanya, antara lain membabitkan perubahan pada pelan susun atur yang diluluskan dengan mengambil kira kontur kawasan serta mengelak atau mengurangkan pemotongan bukit-bukau dan pokok.

Sehubungan itu, pihak berkuasa tempatan yang meluluskan projek berkenaan diarah berbincang dengan pemaaju untuk mengubahsuai pelan atau menambah syarat sebelum membenarkan projek itu diteruskan.

Arahan serupa turut ditujukan kepada projek sedang berjalan, yang mana langkah sewajarnya bagi memperbaiki keadaan perlu dilaksanakan bagi memulihara alam sekitar.

"Perdana Menteri mendapati banyak pihak berkuasa tempatan tidak mengetahui kesan pelan susun atur projek terhadap kontur kawasan terbabit. Banyak pelan susun atur yang diluluskan tidak mungkin dilaksanakan di kawasan bukit-bukau.

"Jika pelan itu dilaksanakan juga, bermakna ia membabitkan perataan bukit-bukau, penebangan pokok, sungai ditimbus juga hakisan tanah. Untuk itu, pihak berkuasa tempatan dikehendaki melihat dengan teliti susun atur sesuatu projek dengan kontur kawasan itu sebelum memberi kelulusan," katanya kepada pemberita selepas majlis dialog mengenai pembangunan fizikal, di sini, hari ini.

Majlis anjuran Jabatan Perancangan Bandar dan Desa itu bertujuan memberi penerangan kepada pihak berkuasa tempatan, pemaaju dan badan profesional berkaitan pembangunan dan perumahan serta agensi kerajaan, mengenai keputusan Kabinet terhadap isu pemotongan pokok dan bukit.

Pertengahan Mac lalu, Perdana Menteri meminta supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjalankan siasatan terhadap kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di utara Selangor.

Kegiatan itu dikesan Perdana Menteri melalui udara ketika dalam penerbangan pulang dari Pahang ke Kuala Lumpur, baru-baru ini. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan percaya sekurang-kurangnya empat kawasan terbabit dalam kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di Selangor termasuk satu kawasan yang bukitnya diratakan dan semua pokok ditebang.

Dr Ting berkata, pihak berkuasa tempatan perlu melawat tapak pembangunan untuk melihat sendiri keadaan topografi sebelum meluluskan projek selain menjalankan pemeriksaan mengejut bagi memastikan projek itu tidak menjejaskan alam sekitar.

(END)

